

# INTEGRASI EKONOMI ASEAN: SEJAUH MANA IA DAPAT MEMPERKEMBANGKAN PERDAGANGAN SERANTAU NEGARA-NEGARA ASEAN

**Abdul Jumaat Haji Mahajar**  
*Sekolah Pengurusan*  
*Universiti Utara Malaysia*

*Negara-negara ASEAN terdiri dari negara Brunei, Indonesia, Malaysia, Thailand, Filipina, Singapura, Vietnam, Myanmar, Laos dan Cambodia. Kertas kerja ini bertujuan untuk menunjukkan kelebihan yang boleh dikongsi bersama oleh negara ASEAN, hasil daripada Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) sebagai satu integrasi ekonomi ASEAN dengan mengambil perhatian ke atas strategi lokasi dan geografi negara-negara ASEAN. ASEAN mempunyai sumber ekonomi yang banyak yang tidak digunakan oleh negara-negara ASEAN. Perjanjian bersama antara benua boleh mewujudkan pasaran bebas jangka panjang, dan membolehkannya menuju ke arah perdagangan bebas serantau. Penekanan khusus ke atas perkembangan AFTA sebagai perdagangan serantau membolehkan negara-negara ASEAN mengurangkan kadar percukaian dan mempertingkatkan perdagangan di antara negara-negara ASEAN. Kewujudan AFTA dapat mengurangkan tarif dan boleh meningkatkan pengeluaran sumber-sumber mentah dan memperkembangkan sektor pembuatan di antara negara-negara ASEAN. Kertas kerja ini juga akan menggariskan kemajuan ekonomi negara-negara ASEAN dari segi Pengeluaran Negara Kasar sebelum dan selepas kewujudan AFTA. Kadar prestasi perkembangan ekonomi negara-negara ASEAN berkemungkinan melebihi prestasi ekonomi blok serantau negara-negara lain di dunia seperti Persatuan Eropah, NAFTA, MERCOSUR dan Andean Pact. Perkembangan ekonomi negara-negara ASEAN membolehkannya dikenali sebagai negara-negara membangun pada kadar pertumbuhan yang tinggi dengan teretusnya perlaksanaan AFTA.*

## **PENDAHULUAN**

Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 di Bangkok. ASEAN terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, dan Brunei yang menyertai ASEAN pada 7 Januari 1984. Antara matlamat pertubuhan ASEAN adalah untuk:

- Mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, pembangunan kebudayaan dan kemajuan sosial di rantau Asia Tenggara.
- Menggalakkan kestabilan politik dan keamanan di rantau Asia Tenggara dengan mematuhi prinsip-prinsip piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
- Memberikan kerjasama dan bantuan antara satu sama lain dalam pelbagai bidang termasuk latihan dan penyelidikan.
- Mengeratkan hubungan dengan pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Program ekonomi ASEAN telah diwujudkan semenjak tahun 1967. Matlamat Kerjasama Ekonomi antara negara-negara ASEAN adalah untuk membentuk usahasama dan bertukar pandangan bagi membangunkan ekonomi ASEAN di antara negara-negara ASEAN atau firma-firma di negara ASEAN seperti yang termaktub dalam Rancangan Projek Perindustrian ASEAN 1976 dan Skim Kerjasama Industri ASEAN 1983. Pada 1980an dan 1990an, kebanyakan negara di dunia telah mengeneipkan halangan-halangan ekonomi. Justeru itu, ASEAN menyedari kepentingan mewujudkan satu pasaran bebas dengan mencari satu jalan yang terbaik untuk bekerjasama bagi pembangunan era globalisasinya dan membuka pasaran ekonomi di antara negara-negara ASEAN.

Cara yang terbaik untuk mencapai matlamat ini telah dibincangkan di Kemuncak Persidangan ASEAN pada tahun 1992, di mana negara-negara ASEAN berjanji untuk mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA). Kawasan Perdagangan Bebas ini akan merangkumi lebih kurang setengah bilion pengguna yang akan bekerjasama dan mengambil peluang ke atas skala ekonomi. Firma-firma di negara ASEAN akan mendapat harga yang termurah bagi sumber-sumber mentah yang mereka perlukan. Walaupun di kalangan mereka wujud persaingan tetapi ini akan meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Integrasi ekonomi ASEAN akan menjadi pencetus kepada penarikan pelabur-pelabur daripada luar negara ASEAN yang menginginkan pasaran yang besar dan cekap.

Pada September 1994, ASEAN telah bersetuju untuk mempercepatkan kewujudan AFTA dengan mengurangkan jangkamasa penubuhannya dari 15 tahun ke 10 tahun. Objektif penubuhan AFTA adalah untuk mempertingkatkan daya saing negara-negara ASEAN sebagai satu kawasan pengeluaran sumber mentah bagi pasaran dunia. Langkah yang kritikal ke arah matlamat ini ialah dengan menubuhkan satu kawasan perdagangan bebas di antara negara-negara ASEAN dan mengeneipkan halangan-halangan perdagangan antara negara anggota ASEAN. Perdagangan bebas akan membuatkan industri-industri pembuatan negara ASEAN menjadi lebih efisien dan lebih kompetitif.

Pada masa yang sama pelabur-pelabur asing akan lebih cenderung untuk mendapatkan sumber-sumber mentah dari ASEAN yang lebih murah dan berkualiti. Apabila pasaran di ASEAN berkembang maju dan menjadi lebih besar, pelabur tempatan akan menikmati skala ekonomi dan kecekapan pengeluaran produk-produk untuk dieksport ke negara-negara luar. Sehubungan itu, ASEAN berharap dapat menarik lebih ramai pelabur asing ke dalam pasaran ASEAN. Pelaburan asing akan bertindak sebagai pencetus perkembangan industri di kalangan negara-negara ASEAN. Pada tahun 70-an, usaha sama menjadi teras program antara negara ASEAN. Pada tahun 1997, ASEAN bersetuju untuk menggantikan Program Usahasama Perindustrian dengan Skim Kerjasama Industri ASEAN yang menggunakan rangka kerja AFTA.

ASEAN telah mengatasi krisis kewangan dan ekonomi pada tahun 1997 dan 1998. Pemulihan ekonomi dapat dilaksanakan dengan kewujudan program-program untuk memperbaiki dan menguatkan mata wang negara-negara ASEAN. Sektor eksport ASEAN telah berkembang sebanyak 6.4 peratus daripada US\$322.8 bilion dalam tahun 1998 kepada US\$343.4 bilion dalam tahun 1999. Perkembangan ini dibantu oleh kekuatan ekonomi negara Amerika Syarikat, peningkatan ekonomi negara-negara Eropah dan peningkatan ekonomi negara-negara Asia Timur. Import telah menurun semasa pergolakan krisis mata wang di ASEAN, iaitu dari US\$281.8 bilion dalam tahun 1998 ke US\$268.8 bilion dalam tahun 1999. ASEAN menikmati lebihan perdagangan berturut-turut daripada US\$24.3 bilion dalam tahun 1998 ke US\$27.3 bilion dalam tahun 1999. Walaupun menghadapi krisis ekonomi pada tahun 1997, negara-negara ASEAN masih berusaha ke arah mengintegrasikan ekonomi rantau ASEAN dalam bidang perdagangan, pelaburan, perkhidmatan, pengangkutan dan komunikasi, informasi teknologi, kerjasama perindustrian, makanan, pertanian dan perhutanan.

Negara-negara ASEAN telah bersetuju untuk mengeneipkan cukai import pada tahun 2010 bagi negara-negara ASEAN seperti Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Cambodia, Myanmar dan Vietnam. Dalam usaha untuk menguatkan keupayaan bersaing dalam ekonomi baru, ASEAN telah mewujudkan pasukan petugas ASEAN, yang dianggotai oleh wakil-wakil dari sektor swasta dan kerajaan untuk melaksanakan rangka kerja e-dagang dan membina infrastruktur informasi ASEAN.

## **KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS ASEAN (AFTA)**

Kemuncak persidangan ASEAN Keempat pada Januari 1992 telah bersetuju untuk mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA). Dalam jangka masa 15 tahun, bermula dari 1 Januari 1993, satu mekanisme Skim Tarif Keutamaan Am telah diwujudkan untuk mencapai matlamat ini. Pada tahun 2008, dibawah skim ini, cukai untuk produk pembuatan akan dikurangkan sehingga lima peratus. Objektif penubuhan AFTA ialah untuk mempertingkatkan kelebihan persaingan negara-negara ASEAN sebagai asas pengeluaran bagi pasaran dunia. Langkah kritikal untuk menuju ke arah ini adalah kebebasan perdagangan dalam rantau ini melalui penghapusan cukai antara negara-negara ASEAN dan penghapusan cukai tak langsung. Ini akan memberi kesan ke atas sektor pembuatan ASEAN supaya menjadi lebih kompetitif dalam pasaran dunia. Pada masa yang sama, pelanggan akan mendapat produk yang berkualiti dan seterusnya mencetuskan perdagangan antara negara ASEAN yang berdaya saing. Di samping itu, ASEAN berharap akan menarik lebih ramai pelabur asing ke rantau ini.

## **SKIM TARIF KEUTAMAAN AM**

Skim Tarif Keutamaan Am adalah satu pakatan usaha sama antara negara-negara ASEAN untuk mengurangkan tarif dan mengeneipkan halangan cukai tak langsung selama 15 tahun bermula 1 Januari 1993. Matlamat skim ini adalah untuk mengurangkan cukai ke atas semua produk pembuatan dari kosong peratus hingga lima peratus pada tahun 2008. Skim Tarif Keutamaan Am adalah instrumen penting untuk merealisasikan ASEAN sebagai kawasan perdagangan bebas, tetapi tahap percukaian ke atas negara-negara bukan ASEAN masih berjalan seperti biasa. Walaupun menghadapi kemelesetan ekonomi pada tahun 1980an, negara-negara ASEAN masih mampu berkembang pada kadar purata 5.4 peratus setahun dari 1981-1991, lebih kurang dua kali ganda kadar pertumbuhan pasaran dunia. Adalah perlu bagi

negara ASEAN meningkatkan daya saingannya untuk menarik pelabur asing dan menyatukan negara-negara ASEAN ke arah perkembangan ekonomi dunia. Walaupun ASEAN telah membuka pasaran bebas antara negara-negara ahlinya, ASEAN juga seharusnya membuka pasarannya kepada negara-negara lain di dunia ini.

ASEAN komited secara politik untuk mewujudkan AFTA. Walaupun menghadapi kesukaran ekonomi pada masa lalu, untuk mewujudkan perkongsian pasaran, ASEAN tidak hanya berpendirian tegas dalam usaha-usaha mereka tetapi bekerja keras untuk mewujudkan AFTA. Melalui penghapusan cukai dan lain-lain halangan perdagangan, akan mencetuskan peningkatan perkembangan pasaran serantau di kalangan negara-negara ASEAN. Kejayaan ini bukan sahaja bergantung ke atas Skim Tarif Keutamaan Am tetapi juga atas lain-lain ukuran tambahan daripada penghapusan tarif. Integrasi ekonomi negara-negara ASEAN berjalan dengan lancar dan AFTA bertindak sebagai satu landasan yang akan membolehkan ASEAN menjadi sebuah rantau gergasi ekonomi.

Statistik menunjukkan AFTA telah memperkembangkan perdagangan antara negara-negara ASEAN daripada US\$81.98 bilion dalam tahun 1993 ke US\$149.9 bilion dalam tahun 1997. Perdagangan antara negara ASEAN merangkumi 22 peratus daripada perdagangan keseluruhan negara-negara ASEAN iaitu US\$646.4 bilion. Arah tuju perdagangan di rantau ini akan bertambah maju lagi jika dilihat pada jumlah keseluruhan penduduk ASEAN yang berjumlah 500 juta orang dan kedudukan ASEAN terletak di pertengahan laluan perdagangan di antara Timur dan Barat. Perkembangan perdagangan dan kekuatan AFTA adalah berdasarkan kekuatan politik negara-negara ASEAN. ASEAN masih dapat membendung ancaman luaran dan krisis ekonomi tidak akan memberi kesan ke atas imbalan pembayaran dan pengeluaran negara kasar negara-negara ASEAN. ASEAN mesti prihatin ke atas lambakan produk-produk dari negara-negara membangun ke dalam pasaran ASEAN.

Negara Vietnam telah memperbaiki kembali sistem ekonomi yang telah rosak akibat peperangan dengan Amerika Syarikat pada tahun 1975 manakala negara Cambodia mengalami perselisihan dan pergelutan dalaman yang menghakis sumber-sumber ketenteraannya untuk mengatasi konflik dan kacau bilau dalam negaranya. Laos pula lebih terpencil dan terletak di sempadan Republik China dan Vietnam. Pada masa kini kekacauan di Indonesia masih belum selesai. Di Myanmar, kekuatan pemerintahan ketenteraan Junta yang mengawal pentadbiran politik, membuatkan Myanmar tidak bersedia untuk

membentuk kerajaan demokrasi seperti negara-negara lain seperti Singapura, Malaysia, Brunei dan Filipina. Sehubungan itu adalah menjadi tanggungjawab ASEAN untuk mengekalkan keharmonian dan keamanan negara-negara ASEAN. Kestabilan politik akan meningkatkan pelaburan langsung asing ke negara-negara ASEAN.

Pada masa kini ASEAN bebas daripada ancaman luaran setelah selesai perang dingin, perpecahan negara-negara USSR dan negara-negara Balkan. Negara China di bawah pemimpin sekarang menyokong pasaran bebas daripada sistem ekonomi perancangan berpusat. Kerisauan negara-negara Asia Tenggara adalah tertumpu kepada krisis ekonomi yang berlanjutan dan masih memberi kesan kepada negara-negara yang bergantung sepenuhnya ke atas perdagangan. Dalam tahun 1997, hasil daripada krisis ekonomi, Thailand, Malaysia dan Indonesia telah mengalami kesan ekonomi yang teruk di rantau ASEAN. Krisis yang melanda dan ketidakstabilan negara-negara ASEAN telah menarik perhatian kerajaan negara-negara ASEAN untuk mewujudkan forum antara negara dan mesyuarat untuk mengatasi krisis ekonomi yang dihadapi oleh setiap negara ASEAN.

Faktor lain yang boleh melemahkan strategi perkembangan ASEAN adalah kesan lambakan produk-produk oleh negara-negara maju dan membangun ke dalam pasaran ASEAN. Lambakan produk bermakna amalan monopoli harga barangan ke dalam pasaran asing. Ia merujuk kepada perbezaan harga di pasaran domestik dan pasaran asing. Rasional di sebalik lambakan harga ini ialah ia membolehkan pengeksport untuk bersaing dalam pasaran asing dan menawan pasaran tersebut dengan menjual produknya di tahap harga yang sangat rendah, kadangkala di bawah kos dan mendapatkan kembali kekurangan hasil jualan ini dengan mengenakan harga yang tinggi di pasaran negara sendiri. Dengan mengamalkan kaedah lambakan produk ini, pengeluar boleh memperluas saiz pasaran asing produknya, risiko pelaburan dapat dikurangkan dan apabila ia melancarkan pengeluaran yang bersaiz besar, ia boleh mendapat keuntungan hasil daripada skala ekonomi dengan meminimumkan kos pengeluaran. Justeru itu, dalam jangka masa yang panjang ia juga boleh menjual produk pada tahap harga yang murah di pasaran tempatan.

Kesan daripada lambakan produk di negara ASEAN pada tahap harga yang murah akan mewujudkan permintaan untuk produk berkenaan, jika tidak dikawal oleh AFTA, akan terdapat kejatuhan permintaan untuk produk-produk domestik dan pengeluar tempatan akan menghadapi kesulitan untuk memasarkan produk mereka di negara mereka sendiri. Sehubungan itu, untuk

melindungi kemasukan lambakan produk ke negara-negara ASEAN, negara-negara ASEAN harus prihatin dan mengambil tindakan antilambakan yang bersesuaian dengan Perjanjian Organisasi Perdagangan Dunia (WTO) yang menolak lambakan produk ke negara-negara asing.

Kesan lambakan produk ke atas pasaran domestik dan kerosakan yang dialami oleh industri tempatan boleh dinilai daripada jumlah pengeluaran, kesan harga dan kesan keuntungan yang dialami oleh industri domestik. Industri domestik akan mengalami kehilangan jualan, kehilangan dalam perkongsian pasaran hasil daripada lambakan produk oleh negara-negara maju ke atas negara-negara sedang membangun. Industri tempatan dan domestik juga akan mengalami pulangan pelaburan yang rendah, kekurangan kapasiti penggunaan, kesan negatif ke atas aliran tunai dan kehilangan kestabilan peningkatan modal. Justeru itu, adalah penting bagi Sekretariat negara-negara ASEAN bertindak mengawasi dan mengambil pendekatan yang jitu untuk menolak lambakan produk ke dalam negara-negara ASEAN. Sekretariat ASEAN membantu ahli-ahlinya dalam meningkatkan kempen media secara aktif melalui penyiaran berita-berita di akhbar-akhbar, dan menganggotai pelbagai forum awam untuk menyebarkan berita mengenai hal-hal terkini ASEAN.

## **KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS**

ASEAN adalah sebahagian ekonomi dunia yang berkembang pesat. Kadar perkembangan ekonomi ASEAN berkemungkinan meningkat melebihi ekonomi negara-negara di dunia. Asas yang telah diwujudkan mampu menjamin untuk memperkembang ekonomi dan industri secara berterusan. ASEAN telah menukar peranannya sebagai pencetus ekonomi yang penting dalam rantau ini. Ia merangkumi antara 30 peratus hingga 65 peratus pelaburan langsung asing. Walaupun ASEAN mempunyai kekuatan prestasi ekonomi dan bukan ekonomi, kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara ASEAN terus berjalan lancar.

Perjanjian perdagangan antara negara-negara ASEAN akan mewujudkan satu pasaran dalaman yang besar, yang mana ia boleh menghasilkan harga jualan yang rendah, menarik pelaburan pengkhususan pengeluaran dan skala ekonomi. Dalam kes AFTA, pengurangan tarif akan memudahkan perdagangan dan mengkhususkan pembahagian tenaga buruh dalam pengeluaran industri di ASEAN. AFTA akan meningkatkan proses integrasi ekonomi dalam Asia Timur. Kesan AFTA ke atas pelaburan adalah positif untuk negara-negara ASEAN. ASEAN juga akan menarik minat pelabur-

pelabur asing untuk melabur di wilayahnya. Pelaksanaan AFTA akan meningkatkan perdagangan antara negara-negara ASEAN sebanyak 10 peratus dalam masa 15 tahun akan datang. Jumlah eksport ASEAN akan meningkat sebanyak dua peratus dan peningkatan pengeluaran negara-negara kasar sebanyak dua peratus.

## **KESIMPULAN**

ASEAN berada di landasan menuju kepada perkembangan ekonomi yang pesat. Lima puluh tahun akan datang, kita akan melihat kemajuan sosio-ekonomi dan arena politik negara-negara ASEAN hasil daripada perdagangan bersama dan perdagangan dengan bukan negara ASEAN akan meningkat. Dengan berlakunya peningkatan dari segi kekayaan dan status, perkembangan negara-negara ASEAN yang mempunyai 500 juta penduduk boleh mencapai sasaran untuk menjadi negara maju dengan berpandukan perdagangan bebas negara-negara ASEAN pada masa hadapan.

## **BIBLIOGRAFI**

AFTA in Ipoh ASEAN Free Trade Area (AFTA) in year 2002. *Implication and challenges to Malaysian Manufacturers Exporters/Retailers/Importers (Understanding the AFTA process)*. 21 March 2001.

*ASEAN external relations*. Retrieved from <http://www.asean.sec.org/asc/r99066.utm>.

*ASEAN Free Trade Area*. Organised by Penang State Committee For Trade and Commerce, Penang. 27 March 2001.

*ASEAN Free Trade Area: Trading block or building block?* East Asia Analytical Unit Australian Department of Foreign Affairs and Trade.

*Economic intergration and cooperation*. Retrieved from <http://www.aseansec.org/asc/r99003.utm>.

*Questions and answers on AFTA*. Retrieved from <http://www.asean.org/general/pa306.upm>.